

VII

PERATURAN PERBICARAAN

✓ Mengenai kelayakan saksi-saksi, mahkamah mengikuti kelayakan mengikut hukum syarak, iaitu beragama Islam, baligh dan mempunyai fikiran yang waras. Sebaliknya acara di mahkamah adalah mengikuti undang-undang biasa, iaitu Akta Ketetapan dan Kanun Acara Jenayah. Hanya peguam yang beragama Islam sahaja yang dibenarkan mengambil bahagian didalam perbicaraan di mahkamah¹, dan bahasa yang digunakan didalam mahkamah adalah bahasa Melayu.² Alasan yang diberi oleh Kadi untuk membenarkan hanya orang Islam sahaja menjadi peguam dan saksi ialah bidangkuasa mahkamah. Jika sesaorang peguam atau saksi itu bukan beragama Islam maka mahkamah tidak dapat menghukum orang itu kerana menghina mahkamah jika ia melakukan kesalahan tersebut semasa perbicaraan. Ini kerana mahkamah Kadi tidak ada bidangkuasa keatas orang-orang yang bukan beragama Islam.

JENAYAH.

Selalunya pihak polis³ atau Imam⁴ (pegawai akad nikah) yang melaporkan kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan kepada pendakwa. Pendakwa kemudiannya akan mengeluarkan surat saman kepada orang yang

¹ Enakmen, s. 17(3).

² Ibid., s. 16(1).

³ Pendakwa v. Mahmud bin Mohammad.

⁴ Pendakwa v. Ali bin Kasa.

melakukan kesalahan tersebut, memerintahkannya hazir di mahkamah pada hari tertentu untuk perbicaraan.

Didalam perbicaraan peraturan adalah seperti berikut.⁵ Pendakwa akan membaca dan menerangkan tuduhan kesalahan kepada orang yang dituduh sehingga ia faham. Jika yang dituduh mengaku salah maka ia bolehlah diputuskan salah dan dihukum jika sekiranya mahkamah puas hati bahawa yang dituduh faham akan keadaan dan akibat pengakuannya itu. Jika yang dituduh menuntut bicara atau enggan mengaku salah, pendakwa hendaklah memanggil saksi-saksinya dan membuktikan tuduhan itu. Seterusnya pendakwa mengemukakan dua orang saksi, kecuali dalam kes zina dan khalwat. Mengenai kesalahan khalwat dan zina, walaupun pada lazimnya memerlukan empat orang saksi, tetapi didalam keadaan tertentu, keterangan seorang saksi sahaja boleh diterima. Saksi itu hendaklah bersumpah mengikut cara yang diwajibkan bagi orang-orang Islam sebanyak empat kali mengatakan ia benar-benar nampak perkara itu dilakukan oleh pihak-pihak yang dituduh. Seterusnya ia diperlukan bersumpah bagi kali kelima mengatakan bahawa ia bercakap benar.⁶ Didalam perbicaraan biasa, sesaorang saksi itu hanya diperlukan berikrar sahaja mengikut s. 19(3).

Tiap-tiap orang saksi bagi pihak pendakwa hendaklah diperiksa

⁵Enakmen, s. 36.

⁶Butir-butir ini diberi oleh Kadi.

oleh pendakwa dan kemundiannya disoal balik oleh orang yang dituduh. Selepas itu ia diperiksa semula oleh pendakwa. Selalunya pihak yang dituduh tidak tahu apa yang hendak disoal atau selalu menanya soalan yang tidak bersangkutan. Jadi selalunya Kadi mengingatkan mereka supaya menanya soalan-soalan bersangkutan sahaja. Disamping itu untuk penjelasan, Kadi juga menanya soalan kepada saksi-saksi itu. Jika mahkamah menghen-daki orang yang dituduh membuat jawapan maka ia boleh mengemukakan saksi-saksinya. Kebanyakan orang yang dituduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Akhirnya orang yang dituduh boleh membuat ulasannya dan pendakwa boleh menjawab pada amnya. Berdasarkan keterangan yang di-beri, Kadi akan memutuskan sidi tuduh bersalah jika pihak pendakwa boleh membuktikan kesalahan tanpa was-was yang menasabah. Segala butir-butir perbicaraan dicatitkan oleh Kadi sendiri.

SIVIL

Pihak yang menuntut selalunya membuat pengaduan secara lisan dan Kadi akan menyediakan satu rangka tuntutan baginya.⁷ Kadi akan mengeluarkan satu saman kepada pihak yang kena tuntutan dan disampaikan bersama-sama⁸ dengan salinan tuntutan. Saman-saman ini disampaikan oleh penyerah notis mahkamah jika orang yang kena tuntutan itu tinggal didalam negeri Perlis.

⁷ Enakmen, s. 47(1).

⁸ Ibid., s. 49(1).

Jika ia tinggal diluar Perlis, Kadi akan menghantar saman itu kepada Kadi tempat dimana ia tinggal. Didalam kes Milah binti Yusuf v. Mohd. Ghazali bin Arshad,⁹ pihak yang kena tuntutan (suami) tinggal di Ipoh. Kadi telah meminta Kadi di Ipoh menyampaikan saman tersebut.

Pada hari perbicaraan, jika orang yang kena tuntutan itu hadir dan mengaku akan tuntutan itu, mahkamah bolehlah memberi keputusan dengan tidak payah mengambail keterangan.¹⁰ Jika ia hendak membela diri, maka pihak yang kena terkena terhadapnya sesuatu keputusan bicara diatas kenyataan tuntutan dan pengakuan-pengakuan yang dibuatnya jika keterangan tidak diambil adalah berhak memulakan perbicaraan.¹¹ Tiap-tiap pihak boleh memberi keterangan kepada mahkamah dan kemudian boleh memanggil saksi-saksinya untuk memberi keterangan, sekurang-kurangnya dua orang. Pihak yang kena tuntutan jarang-jarang membawa saksinya.¹² Setelah tamat perbicaraan mahkamah membuat keputusan berdasarkan pertimbangan kemungkinan keatas keterangan-keterangan yang dibuat oleh pihak-pihak yang ber-

⁹ Lihat m.s. 32

¹⁰ Enakmen, s. 54(2).

¹¹ Ibid., s. 54(3).

¹² Tengku Maznah v. Tengku Jaafar, m.s. 27

✓ kenaan. ²Disamping itu Kadi akan memutuskan jumlah dan siapa yang patut bayar perbelanjaan mahkamah. Bayarannya ialah bagi harta yang tidak bernilai (seperti talak) dikenakan bayaran sebanyak satu ringgit dan perbelanjaan penyerahan notis. Bagi harta-harta yang bernilai, jumlahnya ialah lima peratus dari jumlah nilai harta yang dituntut.

Komen :

Kebanyakan orang-orang yang datang kemahkamah tidak tahu hak-hak mereka, peraturan mahkamah dan tidak tahu menggunakan hak mereka dengan betul. Oleh itu adalah diharapkan agar pihak mahkamah dapat menerangkan dengan serba ringkas mengenai hak-hak mereka dan juga peraturan-peraturan mahkamah sebelum perbicaraan dimulakan, sekurang-kurangnya tiga hari sebelum perbicaraan sesuatu kes itu bermula. Dengan demikian pihak-pihak yang terlibat akan dapat menjalankan perbicaraannya dengan lebih berkesan dan juga perbicaraan dapat dijalankan dengan licin. Apa yang dilakukan sekarang ialah hak-hak sesaorang dan peraturan-peraturan mahkamah hanya diberitahu pada masa perbicaraan.
